



Home / 2024 / March / Amanat Rektor UiTM Cawangan Sabah Tahun 2024

GRU2025

05/03/2024 / Nurul Huda Roslan & Nur Fauziah Bata Keling @ AUCK



KOTA KINABALU, 26 Februari 2024 – Amanat Rektor UiTM Cawangan Sabah telah berlangsung di Dewan Tun Mustapha, Ujana Sarjana, UiTM Cawangan Sabah. Pada kali ini, dalam melaksanakan langkah penjimatan dan mendepani arus teknologi serta ke arah digitalisasi, Amanat Rektor dilaksanakan secara hybrid. Seramai 300 staf telah menghadiri Amanat Rektor UiTM Cawangan Sabah secara fizikal dan selebihnya secara dalam talian termasuk Warga UiTM Cawangan Sabah, Kampus Tawau.

Yang Berusaha Rektor UiTM Cawangan Sabah, Profesor Madya Dr Rozita @ Uji Mohammed, memulakan amanat dengan penghargaan setinggi – tinggi terima kasih kepada semua Warga UiTM Cawangan Sabah di atas sumbang bakti, ucapan tahniah di atas kejayaan dan anugerah pengiktirafan yang berjaya diraih. Sorotan poster dan kejayaan warga UiTM Cawangan Sabah turut dipaparkan sebagai menghargai dan memberi semangat kepada warga UiTM Cawangan Sabah untuk terus cemerlang di masa akan datang.



Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Warga UiTM Cawangan Sabah diminta untuk bekerjasama bersatu padu dalam satu kumpulan dalam mencapai matlamat organisasi dan memacu kecemerlangan kampus. Beberapa pelan tindakan jangka masa pendek dan panjang telah dikongsikan bersama Warga UiTM Cawangan Sabah dan hala tuju ini dicakna beserta pelan perbatuan yang lengkap bagi memastikan semua warga UiTM Cawangan Sabah memahami hala tuju univeristi dan menjalankan amanah, tanggungjawab dan kecemerlangan kampus secara kolektif.

Begitu juga firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رُءُوفُونَ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang menjaga amanah dan perjanjiannya”

{Ayat 8, Surah Al-Mu’minun, Al-Quran}

Yang Berusaha Rektor berpesan kepada Warga UiTM untuk menitik beratkan nilai ESI (*Excellence, Synergy, Integrity*) dan iDART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) dalam pelaksanaan tugas seharian. Menjaga amanah ni memang sangat dituntut dalam agama Islam. Nabi Muhammad SAW sendiri mengajarkan kepada umatNya untuk sentiasa bersifat amanah dalam kehidupan. Sifat amanah ini pula bukan sekadar bersifat jujur dalam percakapan dan perbuatan. Tetapi, ia juga mencakupi amanah dalam melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab yang diberikan.

Istimewanya pada kali ini, sempena 200 hari mentadbir sebagai Rektor UITM Cawangan Sabah, pelancaran Buletin 200 Hari Mentadbir Rektor UiTM Cawangan Sabah: PMDRUM Mutiara dari Borneo (*Pearl of Borneo*) di bahagian penutup Amanat Rektor dan video aktiviti sepanjang tahun 2023 turut ditayangkan bagi mengimbuai memori dan memberi pengiktirafan kepada warga. Amanat Rektor turut dihadiri Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), Profesor Ts. Dr Imbarine Bujang, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Dr. Dg. Ku Habibah Ag Kee, Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan, Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA), Dr Viduriati Sumin, Timbalan Pendaftar Kanan, Puan Aminah Aman dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Sabah.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: Amanat Rektor, UiTM Cawangan Sabah

< Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UiTM dan Iryo Sosei University, Jepun

UiTM dan 8 Industri Perkasa Bidang Pertanian di Malaysia >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

